

'Keluar kepompong reformasi 1998'

Kuala Lumpur: PKR perlu keluar daripada kepompong reformasi asal, ketika parti itu ditubuhkan pada 1998 dan memberi tawaran baharu kepada ahlinya serta rakyat Malaysia.

Barisan kepemimpinan baharu parti, hasil Pemilihan PKR 2022, jelas menunjukkan akar umbi parti mahukan sesuatu yang 'segar' supaya PKR mampu menang pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dan mentadbir negara.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Azmi Hassan, berkata perjuangan yang perlu dihadapi PKR ketika ini jauh berbeza berbanding 1998, iaitu menentang Barisan Nasional (BN) selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"PKR perlu keluar daripada kepompong reformasi asal, itu yang pertama perlu dilakukan PKR. Jangan dikaitkan reformasi ketika itu dengan perjuangan sekarang.

"Jika dikaitkan dengan pemilihan PKR baru-baru ini, itulah yang dikehendaki akar umbi, iaitu satu reformasi baharu dan dimulakan dengan kepemimpinan baharu.

"Justeru, Anwar sebagai Pre-

siden PKR, perlu akur dengan kehendak akar umbi yang mahukan reformasi ketika ini untuk memberikan satu wadah, yang PKR mampu mentadbir negara sama ada bersama Pakatan Harapan (PH) atau secara solo," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Anwar dalam reaksi pertamanya, selepas lebih dua minggu keputusan Pemilihan PKR 2022 bagi jawatan tertinggi parti diketahui, berkata barisan kepemimpinan baharu PKR memberi mesej positif dan jelas yang parti itu perlu lonjakan baharu bagi membawa perubahan yang lebih baik.

Bagaimanapun, katanya, perubahan yang dibawa itu perlukan dukungan yang kuat daripada rakyat dan tidak tersasar daripada prinsip reformasi.

Anwar menang tanpa bertanding pada pemilihan itu dan mengekalkan jawatan Presiden, ma-



Azmi Hassan



Mohd Izani
Mohd Zain

nakala bekas Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli menang merebut jawatan Timbalan Presiden, menewaskan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Turut menang pada pemilihan itu ialah kumpulan yang mengisytiharkan sebagai pasukan Rafizi, bagi jawatan Naib Presiden iaitu Ahli Parlimen Tanjung Malim, Chang Lih Kang; Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad serta Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari yang dikatakan dalam pasukan Saifuddin menjadi satu-satunya

dari kumpulan itu yang disenaraikan pemenang jawatan Naib Presiden.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata PKR perlu keluar daripada ba-

yang-bayang Anwar dan perjuangan parti tidak boleh berasaskan kepada individu semata-mata.

"PKR pada peringkat awalnya adalah parti perjuangan, namun apabila sudah ditubuhkan dan mentadbir negeri serta Persekutuan selepas PRU-14, ia dilihat lari daripada perjuangan. Menjadi parti pemerintah berbeza daripada parti pembangkang.

"PKR dulu menjadikan suara rakyat suara keramat, namun apabila lama-kelamaan menjadi parti pemerintah, mereka terperangkap dengan keinginan parti sendiri dalam amalan parti menguasai kerajaan.

"Sikap kompromi dalam banyak hal dan kerjasama dengan kerajaan memperlihatkan PKR sebagai parti yang terlalu bertolak ansur. Disebabkan itu, Rafizi membawa suara perubahan dan pendekatan yang berbeza bagi PKR," katanya.

Mohd Izani berkata, kepemimpinan baharu PKR akan menyaksikan bagaimana mereka memposisikan semula parti pasca pemilihan, selain strategi sebagai sebuah parti politik yang boleh meneruskan konsep semak dan imbang kepada kerajaan serta mereformasi institusi demokrasi.